



## BSN MyRinggit-i

### Tarikh / Date :

(Untuk diisi oleh kakitangan Jualan / Cawangan) / (To be filled in by Sales / Branch Personnel)

## PENYATA PENDEDAHAN PRODUK / PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Sila baca dan fahami Penyata Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil **BSN MyRinggit-i**. Sila pastikan anda juga membaca terma-terma di dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada BSN jika anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma amnya). / (Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take out the **BSN MyRinggit-i**. Be sure to also read the terms in the letter of offer. Seek clarification from BSN if you do not understand any part of this document or the general terms).

### 1. Apakah produk ini? / What is this product about?

- Ini adalah Pembiayaan Peribadi bercagar yang dikira berdasarkan kadar berubah. / This is a secured personal financing calculated on a variable rate basis.
- Pembiayaan ini adalah bagi tujuan membeli unit Amanah Saham Bumiputera (ASB). / Amanah Saham Bumiputera (ASB) Financing is another form of term financing to purchase ASB unit trust.
- Terma dan syarat kelayakan adalah seperti berikut : / Terms and conditions are as follows :
  - Semua pelabur ASB yang berkelayakan di bawah garis panduan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). / All qualified ASB investors under the Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) guidelines.
  - Berumur 18 tahun ke atas dan sehingga umur 65 tahun semasa tamat tempoh pembiayaan. / Aged 18 to 65 years old at the end of the financing tenure.
  - Tertakluk kepada terma dan syarat semasa Bank. / Subject to the current Bank's terms & conditions.

### 2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai untuk pembiayaan ini? / What is the Shariah concept applicable?

- Konsep Syariah yang diguna pakai bagi produk ini adalah *Murabahah Komoditi (Tawarruq)* yang merujuk kepada transaksi jual beli komoditi sebagai aset pendasar dengan harga tangguh secara *Murabahah* (akad jual beli dengan pendedahan harga kos dan margin keuntungan), dan menjualnya kepada pihak ketiga bagi memperoleh wang tunai. / The Shariah concept used is *Commodity Murabahah (Tawarruq)* which refers to buying and selling of the commodities as the underlying asset on the deferred basis by way of *Murabahah* (sale contract with the disclosure of the asset cost price and profit margin), then selling it to a third party to obtain cash.
- Konsep *Tawarruq* ini juga melibatkan kontrak *Wakalah* (Perwakilan) dengan menggunakan struktur 'dual agency' yang merangkumi : / The *Tawarruq* concept also involves *Wakalah* contract (Agency) which adopts a 'dual-agency' arrangement, whereby involves the followings :
  - Perlantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk menyempurnakan pembelian komoditi secara *Murabahah* daripada Bank. / The appointment of the Bank who acts as an agent on behalf of the customer to conclude the purchase of the commodity from the Bank on a *Murabahah* basis.
  - Perlantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga. / The appointment of the Bank who acts as an agent to sell the commodity on behalf of the customer to a third party.

### 3. Apa yang boleh saya perolehi dari produk ini? / What do I get from this product?

- Amaun Pembiayaan : Minimum RM10,000 dan Maksimum RM200,000 / Financing Amount : Minimum RM10,000 and Maximum RM200,000
- Kadar Untung Dipersetujui (CPR) : 15.00% (tertakluk kepada perubahan) / Contracted Profit Rate (CPR) : 15.00% (subject to change)
- Kadar Keuntungan & Kadar Keuntungan Efektif / Profit Rate & Effective Profit Rate :

Amaun Pembiayaan (RM) / Financing Amount (RM)	Sehingga 50,000 / Up to 50,000	50,001 - 150,000	Atas 150,000 / Above 150,000
Tempoh (Tahun) / Tenure (Years)	5 - 30		
Kadar Keuntungan (% setahun) / Profit Rate (% p.a.)	KA* + 1.25 / BR* + 1.25	KA* + 1.05 / BR* + 1.05	KA* + 0.85 / BR* + 0.85
Kadar Keuntungan Efektif (%) / Effective Profit Rate (%)	5.10	4.90	4.70

**Nota : \*Kadar Asas (KA) BSN semasa adalah 3.85% (berkuat kuasa mulai 13 Mei 2019) / Note : \*Current BSN Base Rate (BR) is 3.85% (with effect from 13<sup>th</sup> May 2019)**

- Margin Pembiayaan : 100% + 5% termasuk Duti Setem, Kos Cagaran, dan Takaful / Margin of Financing : 100% + 5% including Stamp Duty, Collateral Cost, and Takaful
- Jumlah Harga Jualan / Total Selling Price : RM477,959.84
- Jumlah Pembiayaan / Total Amount Finance : RM105,000.00
- Tempoh : 30 tahun / Tenure : 30 years

**Nota : Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja / Note : The above example is only for illustration**


#### 4. Apakah yang dimaksudkan dengan Kadar Asas (KA)? / What is Base Rate (BR)?

- KA yang ditawarkan kami bagi produk ini terdiri daripada dua Bahagian; Kos Dana [Cost of Fund (COF)] pada kadar tertinggi yang ditawarkan dan Mandated Holding Cost. / The BR we offer on this product is made up of two parts; our Cost of Funds (COF) at highest rate offered and Mandated Holding Cost.

#### 5. Apakah senario yang mungkin menyebabkan perubahan pada Kadar Asas (KA)? / What are possible scenarios to trigger a change in the BR?

- KA boleh meningkat atau menurun disebabkan oleh perubahan pada COF dan Mandated Holding Cost. Perubahan pada COF dan Mandated Holding Cost boleh berlaku disebabkan oleh perubahan perancangan dan strategi perniagaan, keadaan Pembiayaan pasaran umum dan Kadar Dasar Semalaman [Overnight Policy Rate (OPR)] seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia (BNM), selepas mengambil kira faktor-faktor lain seperti keadaan ekonomi global dan domestik. / Our BR can rise or fall due to changes in the COF and Mandated Holding Cost. Changes in the COF and Mandated Holding Cost could occur due to changes in the business plan and business strategies, general market funding conditions and Overnight Policy Rate (OPR) as decided by the Monetary Policy Committee of Bank Negara Malaysia (BNM), after taking into consideration of other factors such as global and domestic economic environment.

#### 6. Sejarah Kos Dana (COF) dalam masa 3 tahun / Historical benchmark Cost of Fund (COF) in the last 3 years



#### 7. Apakah tanggungjawab saya? What are my obligations?

- Jumlah ansuran bulanan / Monthly instalment : RM 557.26
- Jumlah keseluruhan bayaran di akhir tempoh Pembiayaan 30 tahun adalah RM 200,614.70 / The total payment amount at the end of 30 years is RM 200,614.70
- Jumlah keseluruhan kos keuntungan di akhir tempoh Pembiayaan 30 tahun adalah RM 95,614.70 / The total profit cost at the end of 30 years is RM 95,614.70

**Penting** : Ansuran bulanan, jumlah keseluruhan bayaran, dan jumlah keseluruhan kos keuntungan akan berbeza jika terdapat perubahan KA. / **Important** : The monthly instalment, total payment amount and total profit cost will vary if the BR changes.

Kadar / Rate	Semasa (KA = 3.85%) / Current (BR = 3.85%)	Jika KA naik 1% / If BR goes up 1%	Jika KA naik 2% / If BR goes up 2%
Ansuran bulanan / Monthly instalment	RM 557.26	RM 622.79	RM 691.53
Jumlah keseluruhan bayaran di akhir tempoh pembiayaan [ 30 ] tahun / Total payment amount at the end of [ 30 ] years	RM 200,614.70	RM 224,205.60	RM 248,950.85
Jumlah keseluruhan kos keuntungan di akhir tempoh pembiayaan [ 30 ] tahun / Total profit cost at the end of [ 30 ] years	RM 95,614.70	RM 119,205.60	RM 143,950.85

**Nota** : Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja / **Note** : The above example is only for illustration

#### 8. Apakah fi lain yang perlu saya bayar? What other charges do I have to pay?

a)	Duti Setem / Stamp Duty	Seperti yang termaktub dalam Akta Setem 1949 (Pindaan 1989) / As per the Stamp Duty Act 1949 (Revised 1989)
b)	Fi Sijil ASNB / ASNB certificate Fee	RM50 setiap sijil / RM50 per certificate
c)	Sumbangan Perlindungan Takaful (pilihan) / Takaful contribution coverage (optional)	Berubah berdasarkan umur / tempoh / jumlah pembiayaan / May vary based on age / tenure / financing amount

d)	Fi Wakalah / Wakalah Fee	RM30 akan diambil dari amaun pembiayaan semasa pengeluaran pembiayaan kepada Pelanggan / RM30 will be deducted from financing amount upon disbursement to the customer												
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil. / No.</th> <th>Perkara / Items</th> <th>Fi / Fee (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Lantikan Bank sebagai Ejen Pembeli / Bank's appointment as Purchase Agent</td> <td>RM15</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Lantikan Bank sebagai Ejen Penjual / Bank's appointment as Sale Agent</td> <td>RM15</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Jumlah / Total</td> <td>RM30</td> </tr> </tbody> </table>	Bil. / No.	Perkara / Items	Fi / Fee (RM)	1.	Lantikan Bank sebagai Ejen Pembeli / Bank's appointment as Purchase Agent	RM15	2.	Lantikan Bank sebagai Ejen Penjual / Bank's appointment as Sale Agent	RM15	Jumlah / Total		RM30	
Bil. / No.	Perkara / Items	Fi / Fee (RM)												
1.	Lantikan Bank sebagai Ejen Pembeli / Bank's appointment as Purchase Agent	RM15												
2.	Lantikan Bank sebagai Ejen Penjual / Bank's appointment as Sale Agent	RM15												
Jumlah / Total		RM30												

**Nota : Semua fi adalah dengan sekali pembayaran sahaja. / Note : All fees are one-off payment only.**

#### 9. Apakah implikasi sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya? / What if I fail to fulfil my obligations?

- Caj Bayaran Lewat berdasarkan kepada Ta'widh (ganti rugi) akan dikenakan seperti berikut : / Late payment charges based on Ta'widh (compensation) will be imposed as follow :

##### **Dalam tempoh Pembiayaan / Tempoh bayaran Harga Jualan / Within the Facility Period**

Ansuran bulanan tertunggak x 1% x Bil. hari tertunggak / Overdue instalment(s) x 1% x No. of overdue day(s)  
365

##### **Setelah tamat tempoh Pembiayaan / Tempoh bayaran Harga Jualan / After the Facility Period**

Baki Pokok Pembiayaan x IIMM\* x Bil. hari tertunggak / Outstanding principal x IIMM\* x No. of overdue day(s)  
365

**Nota : \*Kadar Pasaran Wang Antara Bank-Bank Islam (IIMM) yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan tertakluk kepada perubahan dari masa ke masa. / Note : \*Islamic Interbank Money Market (IIMM) refers to the rate as determined by Bank Negara Malaysia (BNM) from time to time.**

- Pihak Bank berhak untuk membuat Jualan Balik Paksa Unit ASB sekiranya tiada ansuran bulanan selama dua (2) bulan atau lebih. / Bank have the right to forced Sale the ASB Unit if the customer fails to make two (2) months or more instalment payments.
- Bank berhak membuat tolakan (set-off) atau memindahkan apa-apa jumlah yang terhutang pada satu mana-mana akaun anda di Bank untuk menyelesaikan obligasi dan liabiliti yang terhutang dan perlu dibayar oleh anda kepada Bank tertakluk kepada notis diberikan kepada anda dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tolakan (set-off) atau pindahan tersebut dilaksanakan. / The Bank may set-off or transfer any credit balance in your account maintained with the Bank against any outstanding amount in this financing account by giving seven (7) days prior notice before such set-off or transfer.
- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk bertindak balas terhadap notis peringatan dan kos berhubung apa-apa tindakan undang-undang yang diambil oleh Bank terhadap anda akan ditanggung oleh anda - jika ada. / Legal action will be taken if you fail to respond to reminder notices and legal cost will be borne by you - if applicable.
- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada rekod kredit anda yang akan menyebabkan kemudahan kredit anda menjadi lebih sukar. / Legal action against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult or expensive to you.

#### 10. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tarikh matang? / What if I fully settle the financing before its maturity?

- Penjelasan awal dibenarkan pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis secara bertulis kepada Bank. / Early settlement is allowable at any time by giving written notice to the Bank.
- Bank akan memberikan Ibra' (rebat) kepada anda bagi penjelasan awal dalam keadaan-keadaan berikut : / The Bank shall grant Ibra' (rebate) to the customer where there is :
  - i) Penjelasan awal pembiayaan; atau / Early settlement or for early redemption of the facility; or
  - ii) Penjelasan awal pembiayaan melalui cara penstrukturan semula pembiayaan; atau / Settlement of the original financing contract due to financing restructuring exercise; or
  - iii) Penjelasan penuh sebelum tempoh matang setelah berlaku keingkaran oleh pelanggan; atau / Settlement by Customer in the case of default; or
  - iv) Penjelasan awal oleh anda melalui penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tempoh matangnya. / Settlement by Customer in the event of termination or cancellation of financing before the maturity date.
- Ibra' dikira dengan formula berikut : Ibra' = Untung Belum Terakru - Caj Penjelasan Awal (jika ada). / The applicable formula for Ibra' = Deferred Profit - Early Settlement Charges (if any).
- Bank berhak untuk mengenakan Caj Penjelasan Awal sekiranya pada masa penjelasan awal tersebut Bank masih belum mendapat balik kos awal (initial cost) pembiayaan ini serta apa-apa kos sebenar yang berbangkit akibat daripada penjelasan awal tersebut. / Bank reserves the rights to charge any fees and charges which represent the actual charges advanced by the Bank for the facility or any actual cost incurred by the Bank as a result of early settlement.

#### 11. Adakah permohonan saya memerlukan penjamin atau aset jaminan? / Do I need a guarantor or collateral?

- Tiada penjamin diperlukan bagi produk ini. / Guarantor is not applicable for this product.
- Sijil Unit ASB anda akan disimpan oleh pihak Bank sepanjang tempoh pembiayaan sebagai cagar. / Your ASB Units Certificate(s) will be kept by the Bank throughout the financing tenure as collateral.

**12. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya? / What do I need to do if there are changes to my contact details?**

- Adalah sangat penting untuk anda memaklumkan kepada Bank secara bertulis atau melalui emel jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda. Ini bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. / *It is important that you inform us any changes in your contact details (in writing or email) to ensure that all correspondences reach you in the timely manner.*

**13. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan atau maklumat lanjut? / Where can I get assistance and redress?**

- Jika anda mempunyai kesukaran membuat pembayaran, anda perlu menghubungi pihak Bank lebih awal untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh menghubungi pihak Bank di : / *If you have difficulties in making monthly payments, you should contact us earliest possible to discuss payment alternatives. You may contact us at :*

(Nama Cawangan), / (Name of the branch),  
BSN,

\_\_\_\_\_,  
\_\_\_\_\_,  
\_\_\_\_\_

Tel : \_\_\_\_\_

Faks / Fax : \_\_\_\_\_

Emel / Email : \_\_\_\_\_ (Untuk diisi oleh Staf Jualan / Cawangan) / (to be filled in by Sales / Branch Personnel)

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan Perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di : / *Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at :*

Tingkat 8, Maju Junction Mall,  
1001, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2616 7766

Emel / Email : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

- Jika anda ingin mengemukakan aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi pihak Bank di : / *If you wish to complaint on the products or services provided by us, you may contact us at :*

Pusat Khidmat Pelanggan, BSN.  
Tel : 1300 88 1900 / 03-2613 1900

Faks / Fax : 03-2613 1888

Emel / Email : [customercare@bsn.com.my](mailto:customercare@bsn.com.my)

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di : / *If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at :*

Blok D, Bank Negara Malaysia,  
Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur.

Tel : 1300 88 5465

Faks / Fax : 03-2174 1515

Emel / Email : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**14. Lain-lain produk pembiayaan peribadi BSN yang disediakan? / Other personal financing packages available**

Bil. / No.	Produk / Product	Segmen / Segment
1	BSN MyRinggit-i ATM	Kakitangan Angkatan Tentera Malaysia / Malaysian Armed Force Personnel
2	BSN MyRinggit-i BPA	Kakitangan Agensi Kerajaan / Employees of Government Agencies
3	BSN MyRinggit-i Eksekutif-1	Kakitangan Swasta / Private Employees
4	BSN MyRinggit-i SCOP	Kakitangan PDRM / PDRM Employees
5	BSN MyRinggit-i SKAN	Kakitangan Kerajaan Awam Negeri / State Government Employees
6	BSN MyRinggit-i SKAP	Kakitangan Kerajaan Awam Persekutuan / Federal Government Employees
7	BSN MyRinggit-i PRIMA	Doktor / Pegawai Perubatan / Doctors / Medical Officer
8	BSN MyRinggit-i Sandaran BSN SSP	Pemegang Sijil / Unit BSN SSP / BSN SSP Certificate / Unit Holder

**CATATAN PENTING : TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIKENAKAN SEKIRANYA BERLAKU KEMUNGKIRAN  
DALAM PEMBAYARAN PEMBIAYAAN PERIBADI ANDA. / IMPORTANT NOTE : LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU  
IF YOU DO NOT KEEP UP PAYMENTS ON YOUR PERSONAL FINANCING.**

**PENAFIAN : / DISCLAIMER :**

Terma dan syarat di dalam Penyata Pendedahan Produk ini hanya sebagai maklumat dan tidak muktamad. Terma dan syarat yang muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Pembiayaan selepas penilaian dan kelulusan pihak Bank. / *The terms and conditions indicated in this Product Disclosure Sheet are tentative / indicative and not binding on the Bank. The final terms and conditions are as stipulated in the Notification Letter of Offer and Facility Agreement after financing approval.*

Saya dengan ini telah membaca dan memahami terma dan syarat di atas. / *Hereby I have read and understand the terms and conditions above.*

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pelanggan / *Customer's Signature*

Maklumat yang terdapat di dalam Penyata Pendedahan Produk ini adalah sah bermula dari \_\_\_\_\_ atau sehingga \_\_\_\_\_. / *The information provided in this disclosure sheet is valid as at \_\_\_\_\_ or until \_\_\_\_\_.*